

15 SEP 2001
Felda-Simposium
SIMPOSIUM FELDA BINCANG HALA TUJU ANAK FELDA

Oleh: Sharifah Shahrizad Sharer

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Arah tuju peneroka dan Lembaga Tanah Persekutuan (Felda) dalam menuju abad 21, merupakan antara fokus yang akan dibangkitkan dalam Simposium Pembangunan Berterusan Generasi Felda, sempena Perhimpunan Anak-Anak Peneroka Felda SeMalaysia, bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Program ini, Tan Sri Rozali Ismail berkata, kini sudah tiba masanya bagi anak-anak Felda yang dikenali sebagai Generasi Kedua Peneroka, membalas sumbangan Felda dengan mempertahankan dan menjaga tanah-tanah tersebut untuk terus diwarisi generasi peneroka seterusnya.

"Melalui simposium ini kami juga berharap dapat membincangkan mengenai peranan Generasi Kedua dalam mengekalkan tahap pencapaian pengeluaran hasil pertanian rancangan tanah," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata, pertemuan ini diharapkan dapat memberi ransangan kepada anak-anak peneroka yang mempunyai kepakaran dan modal untuk mencari jalan bagi mengusahakan tanah-tanah yang diberikan selain membantu pihak kerajaan cara untuk meningkatkan pengeluaran getah dan kelapa sawit ini.

"Sehingga kini dianggarkan lebih 20,000 orang anak peneroka telah berjaya dalam bidang profesional dan separa profesional. Manakala lebih 15,000 orang masih menuntut di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri. Jadi Generasi Kedua ini perlu mencari jalan apa yang ingin dilakukan pada tanah ini di masa akan datang", katanya.

Sehingga kini, dianggarkan seramai lebih satu juta keluarga peneroka yang mendapat faedah dari tanah rancangan Felda, tetapi hanya 30 peratus sahaja yang sanggup tinggal di kawasan tersebut dan mengambil alih tugas menguruskan tanah-tanah yang dimiliki.

"Kita tidak mahu ada tanah yang telah diserahkan hak milik tetap kepada peneroka, tetapi gagal diusahakan dan menjadi tanah terbiar," katanya.

Mengenai masalah kejatuhan harga getah dan kelapa sawit yang sering dihadapi oleh peneroka, Rozali menjelaskan bahawa isu tersebut juga akan turut diperkatakan dalam usaha mencari alternatif mengatasi masalah tersebut.

Perhimpunan anjuran bersama Felda, Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia (YPGFM) dan Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) ini turut menggariskan isu sosio-ekonomi dan sosial penduduk sebagai salah satu isu penting yang harus diperdebatkan nanti.

Selain itu, pihak penganjur juga bercadang untuk mewujudkan tabung atau dana anak-anak Generasi Kedua peneroka sebagai sumbangan mereka dalam membantu aktiviti dan usaha memajukan rancangan tanah Felda di masa akan datang.

Tanah rancangan Felda yang dibuka sejak 45 tahun lalu ini kini mempunyai sebanyak 303 buah rancangan di seluruh Malaysia dan telah menempatkan 120,000 orang peneroka yang melibatkan tanah seluas melebihi 500,000 hektar.

Setakat ini, pihak jawatankuasa masih belum mengumumkan tarikh rasmi bagi perhimpunan yang dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, anak-anak peneroka yang masih belum berdaftar untuk menghadiri simposium ini boleh menghubungi sekretariat di talian 03-41481850 atau 03-41481851 atau faks 03-41481852.

-- BERNAMA
SNS ES ZB

